

D790

U B528 DEB  
MAHATHIR - GSP

KUALA LUMPUR, 8 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS SIKAP SEGELINTIR PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA NEGARA INI YANG TIDAK MENGAMBIL BERAT KE ATAS KEBAJIKAN PEKERJA TEMPATAN TETAPI BEGITU GHAIRAH MEMPERJUANGKAN NASIB PEKERJA DI AMERIKA SYARIKAT.

PERDANA MENTERI BERKATA, PEMIMPIN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC) LEBIH MEMENTINGKAN NASIB PEKERJA AMERIKA SYARIKAT SEHINGGA SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN GABUNGAN PEKERJA-PEKERJA ELEKTRIK ANTARABANGSA SUPAYA MALAYSIA DIGUGURKAN DARIPADA SENARAI PENERIMA KEMUDAHAN PERDAGANGAN MELALUI SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP).

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN HARI GURU 1990 PERINGKAT KEBANGSAAN DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, LANGKAH MENARIK BALIK GSP +SEBENARNYA HELAH UNTUK MELINDUNGI PARA PEKERJA ELEKTRONIK DI AMERIKA.+

MENURUTNYA, KESATUAN DI AS MENDAKWA KONONNYA SEBANYAK 30,000 PEKERJA DI SANA KEHILANGAN PELUANG PEKERJAAN KERANA PERSAINGAN DARI MALAYSIA. -- LAGI.

1619MST 08 06 90

D791

U B529 DEB  
MAHATHIR - GSP 2 KUALA LUMPUR

+PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA DI AMERIKA BERJUANG UNTUK PEKERJA MEREKA, BUKAN PEKERJA MALAYSIA, DAN MEREKA (MTUC) PULA SOKONG USAHA UNTUK MENARIK BALIK GSP ITU,+ KATANYA.

PETISYEN-PETISYEN ITU SEBENARNYA BERTUJUAN SUPAYA SYARIKAT ELEKTRONIK DI NEGARA INI DITUTUP DAN SEBALIKNYA DIBUKA SEMULA DI AMERIKA, KATANYA.

+TETAPI MTUC BEKERJASAMA DENGAN MEREKA. MEREKA (MTUC) PERJUANGKAN NASIB PEKERJA MANA?+ TANYA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA ISU PENUBUHAN KESATUAN BAGI PEKERJA ELEKTRONIK ADALAH +ALASAN SEMATA-MATA.+

MENGENAI SARANAN TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA BARU-BARU INI SUPAYA DATUK SERI DR MAHATHIR MENEMUI PRESIDEN BUSH SEBAGAI LANGKAH MENGELAKKAN PENARIKAN KEISTIMEWAAN GSP ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK ADA RANCANGAN UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, BELIAU AKAN MEMBANGKITKAN PERKARA ITU JIKA ADA MENDAPAT KESEMPATAN UNTUK BERTEMU PRESIDEN AMERIKA ITU.

KATANYA LAGI, GSP DIKAJI SETIAP TAHUN DAN JIKA TAHUN INI PENARIKAN ITU TIDAK DIBUAT, BELIAU YAKIN MTUC AKAN BERUSAHA SUPAYA PETISYEN SEUMPAMA ITU DIBUAT LAGI TAHUN DEPAN. -- BERNAMA.

1621MST 08 06 90